



UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)

1. JURUTERA GRED J41 (TETAP : KEKOSONGAN 1)

Tangga Gaji RM2,360.00 (Minimum) - RM8,743.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM2,360.00)
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan.

Keutamaan kepada calon :

- (a) dalam bidang Kejuruteraan Awam/Mekanikal/Elektrik;
- (b) mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sekurang-kurangnya dua (2) tahun;
- (c) berpengalaman dalam perancangan/pelaksanaan/pemantauan/pengauditan sistem pengurusan keselamatan, kesihatan dan persekitaran (OHSAS 18001:2007, MS 1722:2011, ISO 14001:2004);
- (d) mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) sijil kompetensi di dalam bidang berikut :
- i) Pegawai Keselamatan & Kesihatan (lulus ke semua kertas peperiksaan yang dianjurkan oleh NIOSH Sdn. Bhd.); atau
 - ii) *Train The Trainer/Neuro Linguistic Programming (NLP)*; atau
 - iii) Pegawai Perlindungan Sinaran (RPO); atau
 - iv) *HSE MS Auditor*; atau
 - v) *Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CePSWaM)*; atau
 - vi) Penyelia Keselamatan Tapak;
- (e) memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;

- (f) mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilihan).

2. PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41 (TETAP : KEKOSONGAN 1)

Tangga Gaji RM2,146.00 (Minimum) - RM8,718.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM2,146.00) atau
- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM2,146.00) atau
- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM2,249.66) atau
- (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM2,561.00) atau
- (v) ijazah sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM2,664.78) atau
- (vi) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan : RM2,976.11)
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Fakulti Sains & Teknologi Industri.

Keutamaan kepada calon :

- (a) berpengalaman dalam bidang-bidang pengkhususan seperti Kimia/Bioteknologi/Teknologi Bahan;

- (b) berpengalaman dalam pengendalian peralatan-peralatan seperti *DSC/XRD/TGA/GC/HPLC/IC/AAS/Surface Area Analyser/FTIR/NMR/Mixer Thermoplastic Composite/Potentiostat*;
- (c) berpengalaman dalam membantu pengendalian geran penyelidikan;
- (d) berpengalaman dalam mengendalikan kerja khidmat teknikal dan konsultasi;
- (e) memiliki kemahiran berkomputer dan mahir menggunakan perisian *Microsoft Office* serta perisian berkaitan dalam urusan data;
- (f) mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi lisan serta penulisan saintifik yang baik;
- (g) memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
- (h) mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilihan).

3. PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41 (TETAP : KEKOSONGAN 1)

Tangga Gaji RM1,909.00 (Minimum) - RM8,644.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji Permulaan : RM1,909.00); atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang Pengajian Islam berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji Permulaan : RM2,112.86);
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Pusat Islam & Pembangunan Insan.

Keutamaan kepada calon :

- (a) memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- (b) mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilihan).

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)

1. PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S17 (TETAP : KEKOSONGAN 1)

Tangga Gaji RM928.00 (Minimum) - RM3,375.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian dalam mata pelajaran Agama Islam dan lulus Bahasa Arab;
(Gaji permulaan : RM928.00); atau
 - (b) Sijil IV Thanawi atau Sijil Tinggi Agama daripada sekolah agama bantuan penuh kerajaan.
(Gaji permulaan : RM928.00);
- dan
- (c) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Pusat Islam & Pembangunan Insan.

Keutamaan kepada calon mencapai Kejujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara **Tetap**.

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara **Online** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web UMP, <http://www.ump.edu.my>. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Online (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui laman web UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara **Online** melalui laman web UMP tidak akan dilayan. Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat. Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR)**

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN ATAS TALIAN

Pada 5 Disember 2014.

TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN

Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web UMP, <http://www.ump.edu.my> adalah pada 12 Disember 2014.